

---

# **PENGURUSAN SUMBER PENGAJARAN**

*dan*

# **PEMBELAJARAN SAINS PERPUSTAKAAN**

---

*untuk*  
**Institut/Maktab Perguruan  
Malaysia**

406  
B

**ABDUL MALEK BIN BILAL SIDEK  
MPTAA**



---

**PENGURUSAN  
SUMBER  
PENGAJARAN  
*dan*  
PEMBELAJARAN  
SAINS PERPUSTAKAAN**

---





---

# PENGURUSAN SUMBER PENGAJARAN *dan* PEMBELAJARAN SAINS PERPUSTAKAAN

---

*untuk*  
Institusi/Maktab Perguruan  
Malaysia

ABDUL MALEK BIN BILAL SIDEK  
MPTAA



PUSTAKA PERDANA



1013654

DARULFIKIR

DARULFIKIR

DARULFIKIR

329 B, Jalan Abdul Rahman Idris, Off Jalan Raja Muda

50300 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel. 03-2913892, 2981636

Cetakan Pertama 1995

© Hakcipta Abdul Malek bin Bilal Sidek

ISBN 983-9668-28-5

*Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan atau mencetak mana-mana bahagian artikel, atau mana-mana kandungan buku ini, secara elektronik, fotokopi, rakaman atau apa-apa carapun sebelum mendapat kebenaran daripada Darulfikir, Kuala Lumpur. Segala rundingan tertakluk kepada perkiraan royalti.*

Dicetak Oleh AG Grafik Sdn. Bhd.,  
28, Jalan Mawar,  
Taman P. Ramlee,  
53000 Kuala Lumpur.

021.2406



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

**Assalamu'alaikum.**

Saya bersyukur ke hadrat Illahi, kerana dengan limpah dan kurnia-Nya berjaya juga saya menyiapkan buku ini.

Saya berharap dengan kehadiran buku ini dapat membantu pensyarah dan pelatih institut/maktab perguruan untuk memperdekatkan lagi kepada Pendidikan, Sains Perpustakaan, sama ada Kursus Asas, Pegurusan Lepas Ijazah, atau apa-apa juga Kursus Dalam Perkhidmatan yang diadakan di Institut/maktab Perguruan Malaysia.

Sesungguhnya, tidak ada gading yang tak retak, tak ada bumi yang tidak ditimpa hujan, begitulah juga dengan diri saya. Yang maha kuasa ialah Allah. Kepada para pembacalah diserahkan, untuk menimbang dan menilai. Hamba Allah ini, sedia menerima teguran, pandangan, nasihat dalam apa carapun. Insy Allah.

Tarikh: 10. 3. 1994.

735 Lapang Besar,  
Jalan Lim Hoe Lek,  
25200 Kuantan,  
Pahang D.M.



**Khas untuk yang paling takku lupa  
Allahyarham ayahanda Bilal Sidek bin Ahmad serta ibu  
yang tak pernah jemu-jemu menasihati**

**Hajjah Sa'adiyah bt. Mohd. Salleh**

**isteri yang sentiasa memberi galakan  
Noriah binti Aripin**

**bersama anak-anak yang tercinta**

**Along**

**Angah**

**Ji**

**Jai**

**Ayus**

**Fadhil**

**serta  
yang terkecil dan ternakal sekali  
Nor Fadhillah**

**yang dahagakan ilmu pengetahuan  
dan bimbingan  
ibu dan ayah  
semoga diberkati Allah  
bakal pewaris  
Negara Tercinta**



**Dalam ingatanku selalu**

**Pengarah  
Bahagian Pendidikan Guru  
yang dulunya  
Bahagian Latihan Guru**

**sejak tahun 1981  
dan segala anak buahnya  
hingga kini**

**Tuan Haji Abdullah bin Bakri  
Bekas Pengetua MPKT  
kini  
Timbalan Pengarah 1  
Bahagian Pendidikan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia**

**Tuan Haji Mohd. Arif b. Rahmat  
Bekas Pengetua MPKT  
Kini Pesara**

**Encik K. Ghanaguru  
Bekas Pengetua MPTAA  
Kini Pesara**

**Hajjah Cik Puteri Kamariah bt. Megat Ramli  
Bekas Pengetua MPTAA  
kini Pengetua  
Maktab Perguruan Raja Melewar**

**Encik Abu Bakar bin Don  
Bekas Pengetua MPTAA  
kini  
Timbalan Pengarah Pendidikan I  
Perak Darul Riduan**

**Tuan Haji Mohd. Ali bin Jamil  
Bekas Pengetua MPTAA  
Kini Pesara**

**dan sesiapa jua yang tak dapat dinyatakan  
satu persatunya, mudah-mudahan  
penghasilan buku ini  
menjadi keberkatan  
Insya Allah.**

# KANDUNGAN

Muka surat

<b>Bab. 1</b>	<b>Konsep-konsep Asas .....</b>	<b>1</b>
	Permulaan turunnya al Quran .....	1
	Perpustakaan .....	2
	Jenis-jenis perpustakaan .....	3
	Library .....	5
	Kutubkhanah .....	6
	Pusat Sumber Sekolah .....	7
	Teknologi Pendidikan .....	7
	Media .....	8
	Media massa .....	12
	Media pendidikan .....	13
	Perkakasan dan isian .....	14
<b>Bab. 2</b>	<b>Peranan pengurusan sumber pengajaran pembelajaran dalam pendidikan .....</b>	<b>15</b>
	Pengertian Pengurusan Sumber Pengajaran Pembelajaran .....	15
	Model salingkait guru, murid dan media dalam pengajaran dan pembelajaran .....	19
	Pengukur nilai .....	21
	Penerapan nilai-nilai murni .....	24
<b>Bab. 3.</b>	<b>Berkenalan dengan Pusat Sumber Sekolah .....</b>	<b>27</b>
	Sejarah penubuhan pusat sumber .....	27
	Pusat kegiatan guru (PKG) .....	28
	Kategori sumber .....	33
	Konsep pusat sumber .....	36
	Fungsi Pusat sumber .....	36
	Kepentingan pusat sumber .....	39
	Pembelajaran berlandaskan sumber .....	41

<b>Bab. 4. Penubuhan dan pengurusan Pusat Sumber .....</b>	<b>44</b>
Matlamat Pusat Sumber .....	44
Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan .....	46
Penubuhan Jawatankuasa Kerja .....	47
Carta organisasi Pusat Sumber Sekolah .....	48
Sudut/Bahagian/ruang di Pusat Sumber .....	51
Alat Kelengkapan Pusat Sumber .....	51
Perancangan pembelanjaan di Pusat Sumber yang perlu diberi keutamaan .....	53
Penilaian dalam konteks Pusat Sumber .....	55
Perkhidmatan di Pusat Sumber .....	58
Punca kewangan Pusat Sumber .....	62
<b>Bab. 5. Komunikasi .....</b>	<b>71</b>
Pengertian komunikasi .....	71
Sejarah komunikasi peringkat awal .....	71
Komunikasi sebagai satu proses ....	73
Komunikasi masa kini .....	75
Gangguan dalam komunikasi .....	77
Fungsi media dalam komunikasi .....	79
Proses komunikasi yang berkesan .....	81
Komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran ... .....	83
Ciri individu murid dalam penerimaan dan pembentukan mesej .....	84
Masalah komunikasi lain dalam pengajaran pembelajaran .....	86
Komunikasi lisan .....	88
<b>Bab 6. Pendekatan sistem .....</b>	<b>90</b>
Pengertian sistem .....	90
Komponen dalam pendekatan sistem. ms. 90	
Pengajaran mikro .....	97
Simulasi .....	104
Modul belajar sendiri (MBS) .....	105
Group program .....	107
Pengajaran berpasangan .....	109
Pencerapan klinikal .....	110

Pengajaran model D.K.Wheeler .....	113
Penulisan objektif .....	114
Satu contoh persediaan mengajar .....	119
<b>Bab 7. Media .....</b>	<b>122</b>
Pengertian media .....	122
Fungsi media dalam pengajaran pembelajaran. .	122
Sumbangan media dalam latihan .....	124
Faktor pemilihan media .....	126
Masalah penggunaan media .....	128
Kewangan yang mempengaruhi pemilihan media .....	131
Panduan pemilihan media .....	134
<b>Bab. 8. Pengkelasan .....</b>	<b>138</b>
Pengertian pengkelasan .....	138
Tujuan pengkelasan .....	140
Jenis pengkelasan .....	141
Sepuluh Pengkelasan pertama .....	142
Apa yang dikatakan Karya Am .....	143
Bagaimana dikatakan falsafah .....	143
Pengertian agama .....	143
Sains Kemasyarakatan .....	144
Bahasa .....	144
Sains Tulen .....	144
Teknologi .....	145
Kesenian .....	145
Kesusasteraan .....	145
Geografi dan sejarah am .....	146
Kepentingan pengkelasan pertama .....	146
Pengkelasan kedua .....	146
Contoh pemecahan nombor pengkelasan bagi agama. ....	148
Contoh pemecahan bagi agama Islam .....	148
Contoh pemecahan Sains Kemasyarakatan .....	149
Jadual Tambahan Bagi Bahasa .....	150
Pemecahan nombor pengkelasan kesenian .....	150
Jadual tambahan bagi kesusasteraan .....	151

	Pengkelasan bagi 900 geografi dan sejarah am .	151
	Jadual tambahan bagi kawasan di Malaysia .....	152
	Contoh ujian .....	153
<b>Bab 9.</b>	<b>Katalog .....</b>	<b>155</b>
	Pengertian katalog .....	155
	Tujuan diadakan katalog .....	155
	Katalog penerbit .....	155
	Jenis katalog Pusat Sumber .....	156
	Mengisi Borang Slip Kerja .....	161
	Istilah pengarang mengikut peraturan perpustakaan .....	163
	Contoh borang slip kerja .....	170
	Tempat letak maklumat dalam kad katalog .....	171
	Ujian katalog .....	175
<b>Bab 10</b>	<b>Mengesan balik maklumat.....</b>	<b>178</b>
	Melalui letak buku rak cara integrasi dan non integrasi .....	178
	Melalui Nombor Pengkelasan .....	179
	Melalui berbagai katalog.....	179
	Melalui bahagian dalam sesebuah buku.....	186
	Melalui komputer .....	189
	Lain-lain peranan komputer dalam urusan maklumat perpustakaan .....	193
<b>Bab..11.</b>	<b>Aktiviti .....</b>	<b>194</b>
	Penulisan Bibliografi am dan khas .....	194
	Penggunaan ensiklopedia jenis dan caranya .....	197
	Jenis ensaiklopedia.....	198
	Kemahiran menggunakan ensiklopedia .....	198
	Funk & Wagnal New Encyclopedia .....	199
	The New Encyclopedia Britanica .....	199
	Collier Encyclopedia .....	200
	Lexicon Universal Encyclopedia .....	201
	Encyclopedia Sirah .....	202
	Brill, E.J., First Encyclopedia of Islam .....	203
	Encyclopedia of education .....	203

Langkah mengesan maklumat melalui ensiklopedia .....	203
Karangan bernota kaki .....	206
Langkah-langkah penulisan dengan menggunakan nota kaki .....	207
Penggunaan indeks majalah .....	211
Menggunakan indeks atlas .....	212
Lain-lain aktiviti galakan menggunakan pusat sumber sekolah .....	214
Aktiviti mencari maklumat .....	215
Maklumat dari buku tahunan .....	215
Menggunakan almanak .....	216
Senarai kemahiran dan objektif .....	217
Satu contoh persediaan mengajar kemahiran perpustakaan .....	219
<b>Bab.12. Persatuan perpustakaan .....</b>	<b>223</b>
Pengertian persatuan .....	223
Objektif persatuan perpustakaan .....	226
Pelaksanaan objektif .....	232
Penilaian .....	244
<b>Bibliografi .....</b>	<b>246</b>



# BAB 1

## KONSEP-KONSEP ASAS

### Permulaan Turunnya Al-Quran



Ayat al-Quran yang mula-mula diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A. W di Gua Hira'.

*“Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Paling Pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan qalam. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.”*

Demikian lah terjemahan ayat al-Quran yang mula-mula diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. di Gua Hira' kira-kira 06.Ogos 610M atau pada 17 Ramadhan 13 tahun sebelum Hijrah.

Tidak ramai di antara kita yang tahu, asas ilmu membaca, kenapa kita perlu membaca, mengkaji dan menyelidik untuk menghasilkan sesuatu. Membaca yang difirmankan itu bukan hanya yang berbentuk tulisan, malahan kita membuat penilaian setelah kita melihat sesuatu itu, di katakan juga membaca. Ahli sejarah dapat menilai usia sesuatu benda itu setelah melihatnya, kerana sebelum itu ia telah tahu melalui bahan bacaan kajian sejarahnya. Orang yang cacat penglihatan dapat membaca huruf timbul yang dirasa dengan tangannya sahaja. Hamba Allah yang ditakdirkan, pekak dan bisu boleh membaca dengan mengenal bahasa isyarat sahaja. Di sinilah letaknya kerjasama di antara otak dan hati dalam tubuh seseorang, untuk menganalisa apa yang dilihat dan dirasa, dan mengambil tindakan selanjutnya.

Sebagai kesimpulannya menulis dan membaca adalah sebagai kunci ilmu pengetahuan, kerana Allah telah menerangkan kepada kita, Bahawa Dialah Yang Mengajar manusia dengan perantaraan menulis dan membaca, dan daripada kedua ilmu itulah Allah memberikan pengetahuan.

## **Perpustakaan**

Perkataan ini berasal dari perkataan,“Pustaka” sahaja. Ia berasal dari bahasa Sanskrit (Hindu tua) yang bermaksud, jampi, serapah, mentera, tangkal azimat. Sejarah awal perkataan ini amat menarik dan selalu disebut dalam buku-buku klasik seperti Hikayat Hang Tuah, Sejarah Melayu, Pelbagai Ceritera Melayu. Jampi-mentera ini masih kuat terpakai dalam masyarakat semua bangsa di negara kita. Keanehan jampi atau pustaka ini dapat dilihat kesannya, cara seseorang itu memakai, membaca, mengguna dan mengamalkannya.

Perkara yang hendak ditekankan di sini, ialah hikmat bacaan itu. Ada beberapa tempat dalam Hikayat Hang Tuah menyebut “Maka Hang Tuah pun membaca pustakanya, maka meriam Portugal itu tidak berbunyi lagi, hanya, asapnya sahaja yang keluar...” Di zaman moden ini masih lagi dipergunakan jampi-mentera, walaupun telah ada kemudahan hospital untuk rawatan penyakit. Memang kita merasakan sungguh aneh, dengan membacakan beberapa Ayat Al-Quran, penyakit boleh sembuh dalam beberapa saat sahaja. Inilah hikmatnya membaca. Bagi orang Islam membaca ini telah diserapkan sejak lahir lagi. Apabila lahir sahaja seseorang bayi, bapanya akan mengazankan kalau anak itu laki-laki, atau mengikamatkan kalau anak itu perempuan, iaitu bacaan pertama yang diperdengarkan kepadanya. Apabila seseorang muslim itu menghembuskan nafasnya yang terakhir, dan dikebumikan maka Tuan Imam, atau Bilal akan membacakan talqin, walaupun orang yang telah meninggal dunia itu telah berada di bawah tanah dan tidak bernafas lagi.

Berpunca dari sinilah, dengan ditambah imbuhan awalan “Per” dan akhiran “an”, maka jadilah perpustakaan, yang merupakan bangunan atau bilik bagi menempatkan semua sumber ilmu pengetahuan, untuk semua pengguna pada setiap ketika. Berpunca dari perkataan “pustaka” lah kedai-kedai buku, nama-nama penerbit dikenal dengan nama pustaka seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Pustaka Antara, Pustaka Aman, dan seumpamanya.

## **Jenis-jenis Perpustakaan**

Setiap negara di dunia ini ada mempunyai perpustakaan sendiri, untuk mengumpulkan maklumat terkini dan menghubungkan perkhidmatan maklumat antara negara. Sektor awam atau swasta pula mempunyai perpustakaan tertentu untuk jabatannya. Oleh itu wujudlah jenis-jenis perpustakaan seperti di bawah:

### **1. Perpustakaan Negara**

Di negara kita dinamakan Perpustakaan Negara Malaysia, yang beralamat, Perpustakaan Negara Malaysia, 232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur. Dalam khidmatnya ia mengeluarkan dan menerbitkan Bibliografi Negara Malaysia (BNM) mengikut peruntukan-peruntukan

Akta Pemeliharaan Buku-buku 1966. Bibliografi yang disediakan meliputi semua bahan perpustakaan dalam semua bahasa. Di tiap-tiap negeri ada cawangan mengikut negeri, dengan koleksi mengikut kemampuan dari segi kewangan, kakitangan, tempat dan sebagainya.

## **2. Perpustakaan Akademik**

Setiap negara ada mempunyai pusat pengajian tingginya sendiri . Negara kita mempunyai beberapa buah universiti, maktab maktab perguruan, maktab MARA, dan beberapa maktab swasta. Pusat pengajian tinggi ini mempunyai perpustakaan, yang dinamakan Perpustakaan Akademik kerana peranan pustaka tersebut adalah untuk meningkatkan kualiti akademik.

## **3. Perpustakaan Khusus**

Perpustakaan demikian mengkhususkan koleksinya kepada bidang tertentu sahaja. Masing-masing universiti di negara kita ini, mempunyai beberapa fakulti, dan tiap-tiap fakulti pula mempunyai koleksinya yang tersendiri. Oleh sebab itulah di perpustakaan akademik ada pula perpustakaan khusus. Ramai di antara kita yang tahu di mana letaknya Perpustakaan Hospital Besar, Kuala Lumpur. Koleksinya bersifat khusus. Ia banyak mengandungi bahan mengenai kajihayat, teknologi perubatan, dan kimia, serta fizik. Demikian jugalah kalau kita pergi ke Perpustakaan Institut Perhutanan, Kepong, sudah tentulah koleksinya, baik buku dan bahan bukan buku, model dan cebisan terdiri dari tumbuhan, kayu-kayan sahaja.

## **4. Perpustakaan Awam**

Jenis perpustakaan ini terdapat di tiap-tiap negeri, yang dinamakan Perbadanan Perpustakaan Awam mengikut negeri masing-masing. Koleksinya berbagai jenis buku untuk bacaan orang awam, belia, dewasa dan kanak-kanak. Mana-mana negeri yang mampu boleh mengadakan Perpustakaan Awam Daerah masing-masing dan perpustakaan bergerak. Pendekata bermacam ikhtiar kerajaan menggalakkan supaya semua penduduk Malaysia rajin membaca bagi menambahkan ilmu.

## 5. Perpustakaan Sekolah

Negara kita sangat bertuah, kerana setiap sekolah ada memiliki perpustakaan. Jumlah koleksinya bergantung kepada bilangan murid sekolah berkenaan kerana pihak Kementerian Pendidikan memberi bantuan mengikut kadar bilangan murid. Mana-mana sekolah yang aktif untuk meningkatkan kualiti sekolahnya, akan menambahkan koleksinya melalui sumber-sumber lain, seperti Cukai Kantin, derma PIBG dan beberapa kegiatan menambahkan koleksi seperti mendapat derma daripada pertubuhan dan persatuan. Guru-guru penyelarasnya pula dilatih khas melalui Kursus Dalam Perkhidmatan di Pusat Sumber Negeri, Pusat Kegiatan Guru dan Maktab-maktab Perguruan. Mulai tahun 1980 mata pelajaran Pendidikan Sains Perpustakaan telah menjadi sebahagian daripada Mata Pelajaran Teras di maktab-maktab perguruan. Ini bermakna guru-guru lepasan tahun 1983 dan seterusnya telah mempunyai pengetahuan perpustakaan.

## 6. Perpustakaan Peribadi

Perpustakaan jenis ini disebut juga perpustakaan di rumah. Ia tidak termasuk dalam senarai jenis perpustakaan kerana ia disediakan untuk kepentingan keluarga dan pengguna yang terhad serta pengurusan mengikut kebolehan individu berkenaan dan koleksi yang tertentu sahaja. Di zaman penyebaran maklumat dan peningkatan ilmu yang sangat pesat sekarang, ahli keluarga yang mampu mengwujudkan perpustakaan sendiri. Sudah sampai masanya pihak ibubapa mengadakan perpustakaan ini untuk membantu anak-anak mengulangkaji pelajaran. Tidak begitu sukar untuk mengasingkan sebuah bilik khas sebuah almari, buku rujukan tambahan seperti buku cerita, ensiklopedia. Untuk menjadi lebih menarik, satu set kumputer, televisyen, radio perakam video dan beberapa pita yang mengandungi maklumat pendidikan. Anak-anak boleh menikmati pelajaran di rumah kalau selalu mengikuti siaran dari Bahagian Teknologi Pendidikan.

## Library

Perkataan library ini yang bermaksud perpustakaan, terkenal di sekolah aliran Inggeris. Bila disemak dari Encyclopedia Britanica Volume 22

muka surat 968 mengatakan, “A library (From Latin, Liber, book) is a collection of written printed, or other graphic, or visual material. (including film, photographs, tapes, disk, microform and computer program) organized and maintained for reading, study and consultation. In this article the general term.....” Dari penjelasan di atas, jelaslah kepada kita bahawa bahan bukan buku pun sebagai koleksi perpustakaan juga. Oleh sebab itu tidak ada sebab, kalau kita mengatakan, yang buku sahaja digelar koleksi perpustakaan. Pendapat ini diperkuatkan lagi dengan Collier Encyclopedia Volume 14, muka surat 558, mengatakan, “A library is a collection of graphic material, book, films, magazines, map, manuscript, microfilm, disk, and, tape recording, computer tape organized for use....” Dari petikan ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa tidak ada bezanya antara library, perpustakaan, pusat sumber, apabila ditinjau dari segi pengertian, peranan dan objektifnya.

## Kutub Khanah

Kita telah mencuba mencari definisi dari berbagai perkataan, yang mempunyai maksud yang sama dari bahasa Sanskrit dan Latin. Maka sekarang kita tinjau pula perkataan yang berasal dari bahasa Arab. Perkataan “Kutub” bermaksud buku-buku, manakala kitab adalah jamak daripada kitab yang bermakna sebuah buku. Ejaan asalnya dalam tulisan jawi ialah (كتاب). Khanah dari perkataan “Khazanah” (خزانة) yang bermaksud, tempat menyimpan barang-barang yang berharga. Apabila dicantumkan ejaan jawi itu menjadi (كتب خانة) iaitu Kutub Khanah. Selain dari itu dalam bahasa Arab ia juga disebut dengan Dar al-Kutub atau Maktabah (مكتبة). Dalam negara kita di zaman sebelum merdeka dan awal merdeka dahulu, nama yang diberi kepada perpustakaan ialah Kutub Khanah. Oleh sebab istilah Kutub Khanah dapat dikatakan dengan “Bangunan atau bilik tempat tersimpannya barang-barang berharga (sumber Ilmu, sebagai harta negara, rekod negara).” Itulah sebabnya Bangunan Arkib Negara kita yang terletak di Jalan Duta itu digelar Khazanah Malaysia.

Andainya anda ingin membaca, melihat, mengkaji, mengesan rekod-rekod sejarah negara kita, yang tersimpan dari dulu hingga sekarang, cuba rancangankan membuat lawatan sambil belajar ke Arkib Negara. Antara koleksi yang dapat dilihat di sini ialah surat-surat lama, bahan-bahan purbakala yang berkaitan dengan kemajuan negara, serta gambar

yang patut menjadi ingatan dan pengajaran kepada penduduk negara ini. Coba kita tonton “Hari ini Dalam Sejarah” yang disiarkan oleh Televisyen Malaysia atau kita dengar melalui Radio Malaysia, ada dicatat atau disebutkan “Sumbangan dari Perpustakaan Negara” atau “Dengan Kerjasama Arkib Negara” Ini menunjukkan perpustakaan mengambil tempat utama; menganalisa, memproses, menyebarkan, menyimpan maklumat dalam sesebuah negara.

## **Pusat Sumber Sekolah**

Pada masa ini nama perpustakaan yang ada di sekolah telah ditukar namanya kepada Pusat Sumber Sekolah. Tujuan utama ditukarkan kepada nama demikian, untuk mempelbagaikan aktiviti dan memusatkan kegiatan, kerana Pusat Sumber itu bermaksud, “Satu tempat di mana aktiviti pendidikan dan pembelajaran dapat dirancang dan dilaksanakan.” Itulah harapan kepada penukaran nama berkenaan, supaya lebih ramai guru-guru dapat memberikan kerjasama, dan lebih ramai murid dapat melibatkan diri secara aktif.

Oleh yang demikian Pusat Sumber Sekolah dapat juga dikatakan sebagai Pusat Pembelajaran kerana berbagai bahan cetak dan bukan cetak, perkakasan serta isian dan khidmat kakitangan yang terlatih boleh didapati oleh murid-murid dan guru-guru melaluinya. Dari tafsiran ini jelas bagi kita tentang kepelbagaian bahan dan perkhidmatan, untuk memupuk kerjasama antara guru-guru untuk meningkatkan taraf pengajaran dan pembelajaran.

## **Teknologi Pendidikan**

Cara belajar hari ini jauh berbeza dari yang dahulu. Sistem hafalan hanya sesuai untuk beberapa pelajaran sahaja. Di zaman yang serba canggih ini, arus pendidikan juga mesti berjalan sama, ataupun terlebih ke hadapan dari matlamat membangunkan negara. Sekiranya pendidikan berada di belakang perancangan negara, akibatnya penuntut yang akan keluar nanti tidak dapat menyaingi, apa yang telah disediakan, atau mengendalikan tugas di zaman yang serba moden ini. Hasil dari inilah Bahagian Sebaran Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia telah ditukar kepada nama Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 1988.

Untuk mencapai tujuan tersebut Teknologi Pendidikan di definisikan dengan “Segala pengetahuan dan kemahiran teknik, dan organisasi yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan cara yang terancang dan teratur bagi menghasilkan kesan yang sebaik-baiknya.” Bagi memenuhi maksud ini, maka Pusat Sumber Pendidikan Negeri, ditadbirkan di bawah Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh yang demikian maka pembelajaran dalam dunia pendidikan hari ini, diserapkan dengan beberapa kemahiran teknologi, kerana telah dikaji, bahawa pembelajaran yang demikian dapat memberikan hasil yang lebih baik, dan pencapaian murid melalui cara teknologi ini lebih berkesan.

## **Media**

Pada masa ini apa-apa berita begitu cepat sampai kepada kita , dan meluas pula sebarannya ke serata ceruk rantau. Bahkan yang lebih meyakinkan lagi, segala peristiwa yang berlaku itu dilengkapi dengan gambarnya sebagai bukti. Inilah caranya menunjukkan bahawa sesuatu itu benar-benar berlaku seperti yang diceritakan. Penyebaran berita dibuat dengan beberapa cara mengikut kemampuan. Berita dan peristiwa diperluaskan penyebarannya, melalui cara lisan, yang dipindahkan kepada radio, atau rakampita, atau pita video. Sementara penyebaran lain pula dibuat dalam bentuk tulisan pada kertas yang disebut akhbar atau majallah. Dari sinilah dapat difahami, peranan media ini sebagai perantaraan antara sumber kepada penerima. Oleh sebab itu dapat didefinisikan bahawa yang dikatakan media itu ialah” Apa-apa sahaja alat yang digunakan untuk menyalurkan sesuatu ilmu pengetahuan, kemahiran atau sikap dari sumber maklumat kepada pengguna.”

Berdasarkan definisi di atas, dapatlah kita golongkan media itu kepada beberapa kategori, supaya dapat kita mengenal keaktifan media berkenaan, sejauh mana keberkesanannya mengikut peredaran masa.

### **1. Media cetak**

Segala bahan yang dicetak, baik akhbar atau majallah, dan buku-buku digolongkan dalam kumpulan ini. Dengan sendirinya anda akan dapat mengukur keaktifan media cetak dalam negara kita. Beberapa

syarikat akhbar sahaja yang ada dalam negara kita, seperti:

Utusan Melayu/Utusan Zaman.  
Utusan Malaysia/Mingguan Malaysia.  
Berita Harian/Berita Minggu.  
The New Strait Times/New Sunday Times.  
The Star/Sunday Star.  
Nanyang Siang Pau  
Sin Chew Jit Poh  
Tamil Nesan

Di samping itu ada pula akhbar-akhbar yang terbit pagi atau petang, dan ada pula yang terbit hanya seminggu sekali, dan ada pula yang hanya mampu terbit sebulan sekali. Malahan ada juga akhbar terpaksa gulung tikar kerana tidak laku, menghadapi kerugian atau dikenakan tindakan undang-undang, di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Di samping akhbar, ada pula penerbit-penerbit menghasilkan media cetak dalam bentuk buku, untuk berbagai kegunaan dan peringkat umur. Di antaranya ialah:

Utusan Melayu Malaysia Berhad.  
Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Fajar Bakti.  
Pustaka Antara  
Pustaka Aman.  
Darul Fikir.  
Longman Malaysia.

Penerbit-penerbit berkenaan, telah menghasilkan berbagai buku yang membawakan berbagai mesej kepada semua pembaca dalam berbagai bahasa. Di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian kita akan bersua dengan:

Wanita,  
Mastika.  
Dewan Budaya,  
Dewan Siswa,  
Dewan Sastera,  
Reader Digest.

Di samping itu, sebahagian daripada Universiti dan pusat pengajian

tinggi dalam negeri, telah berusaha menerbitkan buku-buku majalah atau akhbarnya yang tersendiri, untuk kegunaan penuntut-penuntut, dan disebarkan ke luar dari kampus, bagi yang dibenarkan mengikut undang-undangnya.

Seciranya buku-buku dalam negeri tidak mencukupi, kerajaan kita membenarkan pula mengimport buku-buku luar untuk digunakan di pusat-pusat pengajian tinggi dalam negeri. Dapatlah dikatakan kita sangat bebas memilih bahan bacaan, mengikut selera dan kemampuan kita untuk meningkatkan pemikiran dan taraf pengajaran dan pembelajaran. Di antara penerbit luar yang terkenal ialah:

Happer and Row

Oxford University Press.

Longman.

Addison Wesley

Hodder & Stoughton

Macmillan

Prentice Hall of Southeast Asia Pte. Ltd.

Routledge & Kegan Paul

John Murray

Mc Graw- Hill

Cambridge University Press

Bulan Bintang

Grafiti Press

Gramedia Indonesia

## **2. Media pameran**

Media pameran ialah bahan yang dicetak, dalam bentuk akhbar, bertulisan sederhana yang boleh dibaca. Untuk dipamerkan sebagai tontonan, dibuatkan gambar, poster atau carta, dengan warna yang menarik pula, bagi memikat hati pembaca, supaya datang lebih dekat dan membacanya. Aktiviti ini dalam bentuk pameran yang biasa dilakukan oleh para pelukis, di kawasan-kawasan tertentu untuk tujuan perniagaan, seperti pameran iklan atau pameran semata-mata.

## **3. Video dan filem**

Ada pula penerbit yang mampu dan sanggup mengeluarkan Video

mahupun filem untuk menyampaikan maklumat kepada pengguna. Bentuk kerjasama ini sangat baik. Para pelajar bebas memilih media yang hendak digunakan untuk memenuhi hasratnya. Mungkin dia lebih suka belajar dengan menggunakan video mahupun filem, daripada membaca buku atau menghadap guru di bilik darjah. Para guru sepatutnya sentiasa peka terhadap wujudnya media ini, sekiranya mengalami beberapa sikap yang hanya menumpukan kepada teknik mengajar berbentuk syarahan semata-mata. Ahli-ahli perniagaan, membuat rakaman video, yang kemudiannya merakam ke dalam video yang lain untuk dijual di samping mengedarkan maklumat.

Mana yang lebih mampu pula, akan menggunakan slaid atau pita slaid. Ada ketikanya guru pelatih diminta menghasilkan satu set pita slaid sebagai satu kerja kursus. Perlaksanaan kerja ini terpulanglah kepada kemampuan pelatih, dan kemudahan memproses di maktab berkenaan.

Mana-mana maktab yang mampu memiliki komputer boleh pula menghasilkan Lut Sinar Overhead dengan membuat bentuk gambar dan tulisan yang lebih menarik. Para pelatih yang pandai melukis sendiri, boleh menggunakan lut sinar dengan menggunakan pensel warna yang jelas, apabila ditayangkan di layar, akan jelas kelihatan.

#### **4. Rakaman Audio**

Satu media yang biasa menggunakan hanya pendengaran sahaja ialah rakaman audio. Radio Malaysia semasa menyiarkan ulasan selari beberapa ketika yang lalu, atau ucapan bersejarah, menggunakan rakaman audio. Di sekolah yang Pusat Sumbernya ada karel adalah lebih elok menggunakannya. Pada masa sekarang terlalu banyak kaset-kaset hasil rakaman audio dijual di pasar. Dalam lapangan pendidikan, bahan-bahan rakaman ini dikelaskan dengan cara teratur untuk menyenangkan para guru mengesan dan mencari serta menggunakannya semasa menjalankan pengajaran di bilik darjah.

#### **5. Jurulatih Sebagai Media**

Tajuk ini jelas menerangkan kepada kita, manusia juga sebagai media. Ini memang benar. Semua pensyarah, walau apa bidangnya, menyampaikan kuliahnya mengikut susunatur dalam sukatan pelajaran. Untuk memenuhi maksud sebagai seorang profesional, dia terpaksa

merujuk kepada sumber, samada buku atau bukan buku. Di sinilah letaknya status pensyarah itu sebagai jurulatih yang juga sebagai media kerana ia adalah perantaraan dari sumber maklumat kepada penerima yang terdiri dari guru pelatih.

## **6. Komputer**

Bahan ini tidak asing lagi bagi kita masa sekarang. Tiap-tiap hari ada ruangan mengenai komputer. Kementerian Pendidikan telah ada membekalkan Komputer ke sekolah-sekolah dan beberapa jabatan di bawah kelolaannya mengikut kadar kemampuannya. Di jabatan-jabatan kerajaan, telah pula dibekalkan alat ini untuk memudahkan perhubungan secara cepat, mudah dan tepat. Misalannya seorang kakitangan kerajaan ingin mengetahui jumlah carumannya dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Dengan hanya memberikan nombor kad pengenalan saja kepada pegawai yang bertugas, dia memanggilnya melalui komputer di pejabatnya, dengan memasukkan nombor berkenaan. Ibu pejabat komputernya di Petaling Jaya, terus mempamerkan butiran bayaran dan jumlahnya di skrin komputernya, dan memberi arahan untuk dicetak. Dengan hanya memakan masa beberapa minit sahaja kita dapat mengetahui jumlah kewangan itu secara kemaskini dan teratur.

## **7. Pelbagai Media**

Kumpulan ini tidak dapat dikelaskan, samada dia media cetak, atau media pamer atau media tayang atau media eletronik, kerana bahan yang dikatakan media ini bercampur aduk. Misalnya ketika kita menemui dalam satu kotak, atau peti yang mengandungi satu pita video dan sebuah buku. Para pengguna boleh memilih media mana yang hendak digunakan atau memakai kedua-duanya sekali. Kemungkinan kalau tidak faham melalui video, dalam buku yang disertakan, ada panduannya. Bahan ini ada juga disebut sebagai Kit.

## **Media Massa**

Kita selalu mendengar, ucapan pemimpin-pemimpin kita menyebut perkataan ini, lebih-lebih lagi pemimpin itu sangat peka terhadap isu

semasa. Apabila dirujuk kepada kamus, ia menerangkan media cetak dan media letronik. Tetapi ia lebih menekankan bahan yang diutarakan oleh media berkenaan pada masa berkenaan. Oleh itu kita tidak dapat lari dari mengatakan, dalam negara kita ini media massa ialah akhbar-akhbar dan majallah, radio dan talivisyen, kerana kandungan berita yang disampaikan, ialah isu semasa. Oleh kerana akhbar mempunyai polisinya yang tersendiri, para pengguna akan membuat pilihan, akhbar pilihannya, atau dalam siaran televisyen, bahagian beritalah yang menjadi tontonan utama. Di radio-radio pula, warta berita akan diberi tumpuan. Misalnya dalam bulan'Disember setiap tahun, ketika itu akan diterangkan langkah-langkah keselamatan, korban banjir, pemindahan-pemindahan kerana banjir dan seumpamanya.

## Media Pendidikan

Tugas media ialah untuk membawa maklumat kepada pelajar atau pengajar. Kalau kita kelaskan, ia akan terdiri beberapa jenis, mengikut mesej yang hendak disampaikan. Kita boleh kategorikan Buku Masakan, Utusan Pelajar, Utusan Qiblat sebagai membawa mesej pendidikan. Kita bolehlah menamakan majallah yang seperti ini sebagai Media Pendidikan. Terlalu banyak media pendidikan yang dibuat oleh kerajaan dan pihak swasta. Telah ada pita video yang menerangkan cara menunaikan solat dan berdoa. Ada juga kaset-kaset mengandungi ceramah agama. Bagi para bakal haji, telah ada dijual pita video cara menunaikan fardhu haji dan umrah. Pada masa ini telah ada beberapa kerjasama penerbit luar negeri dengan dalam negeri, bagi menghasilkan pita video pengajaran bahasa Inggeris, untuk digunakan oleh para guru dan pensyarah.

Para pensyarah, bersama dengan guru pelatih boleh menghasilkan pita video atau kaset berkenaan dalam kerja-kerja kelab dan persatuan, unit-unit beruniform, atau sukan dan permainan. Atas dasar ini dapatlah kita ketahui, bahawa media cetak yang membawa mesej pendidikan, memang tak dapat dikira banyaknya. Terpulanglah kepada Ketua Penyelaras Pusat Sumber sekolah berkenaan, setakat mana ia mentafsirkan yang sesuatu hasil bahan cetak itu dapat dikatakan media pendidikan. Di pusat-pusat pengajian tinggi, koleksi segala jurnal, buku kajian dalam tiap-tiap fakulti dan jabatan, kertas-kertas kerja seminar, dialog, laporan-laporan ekonomi, pendidikan, perubatan dan sebagainya digolongkan

sebagai media pendidikan. Buku-buku teks sekolah rendah dan menengah dan buku kerja yang selalu digunakan di sekolah itu dapat dianggap media pendidikan. Di kedai-kedai kaset sekarang, sudah banyak pita rakaman dalam bentuk syarahan, pendidikan moral, bahasa dan sebagainya. Pada permulaan bunyi sebutan baku dulu pun memang telah menggunakan kaset dan buku bagi menerangkan sebutan bunyi perkataan itu dengan betul.

## **Perkakas dan Isian**

Kita biasa mendengar radio, atau menonton video atau pun mendengar rakaman kaset sebuah lagu yang merdu. Kita memperolehi maklumat itu, hasil gabungan dua bahan yang masing-masing sama-sama memerlukan. Pada skrin televisyen, tidak akan keluar gambarnya kalau tidak ada pita video dimasukkan ke dalam perakam pita. Televisyen yang kita tonton di rumah itu adalah pita rakaman atau rakaman semasa dilakukan di studio. Demikian juga radio akan berkumandang bunyinya kerana dimasukkan rakamannya di studio. Oleh sebab itu Perakam Video itu dinamakan perkakas atau alat dan pita video itu dipanggil dengan isian. Kita dapat mengambil fahaman, apa juga yang diisi ke dalam perkakas itu dinamakan isian, dan bahan tempat dimasukkan isian itu dipanggil perkakas atau alat. Perkara ini dapat kita rumuskan sebagai berikut:

### **Perkakas atau alat**

Perakam Video

Pemain Kaset.

Projektor.

Projektor Overhead.

Pemain Rekod.

Komputer.

### **Isian**

Pita Video.

Pita Rakaman.

Filem.

Lut sinar

Piring Hitam.

Disket.

### **Latihan berfikir melalui bab ini**

Dengan merujuk kepada sumber-sumber lain dan juga daripada definisi yang diberikan kepada; perpustakaan, kutub khanah, pusat sumber, teklologi pendidikan, pilih satu yang anda minati. Berikan huraian dan pendapat mengenai pilihan anda itu.

## **BAB 2**

# **PERANAN PENGURUSAN SUMBER PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM PENDIDIKAN**

### **Pengertian Pengurusan Sumber Pengajaran dan Pembelajaran**

Memang amat sukar untuk menerangkan maksudnya dengan setepat-tepatnya dalam bahasa yang ringkas dan padat. Namun secara garis besarnya dapat diungkapkan sebagai berikut, yakni apabila seseorang guru merancang untuk mengajarkan satu mata pelajaran maka guru tersebut mestilah tahu seluruh mata pelajaran berkenaan, dan mencari atau membuat alat yang sesuai bagi darjah atau tingkatan yang hendak diajar. Sebelum itu dia perlu tahu keadaan murid-murid yang akan diajar. Perlakuan memilih atau membuat alat bantuan untuk menyampaikan pelajaran berkenaan, serta mempunyai kebijaksanaan menyampaikannya dinamakan Pengurusan Sumber Pengajaran dan Pembelajaran. Kalau murid-murid tidak dapat memahami pelajaran yang diberikannya, maka guru tersebut hendaklah menerangkan sejelas-jelasnya. Sambutan dari murid amat memberangsangkan. Atas dasar itu dapatlah disimpulkan bahawa yang dikata PSPP ialah “Satu sains pengurusan pengajaran yang sistematik dan memberangsangkan.”

Semasa guru menyampaikan pengajaran, ada tiga komponen yang saling bergantung antara satu dengan lain, iaitu:

1. Guru.
2. Murid.
3. Alat Bantu Mengajar



DEMI untuk menangani Dinamika Guru yang menjadikan Kemahiran Perpustakaan, seiring dengan Kemahiran Berfikir, Belajar dan Teknologi Maklumat, meletakkan ke dalam Kemahiran Seumur Hidup yang perlu dikuasai oleh guru.

Penulis buku ini membuka segala ruang lingkup perpustakaan dan segala yang berkaitan. Pengalamannya sebagai Pegawai Perpustakaan dan Pensyarah Sains Perpustakaan lebih dari 10 tahun di maktab-maktab perguruan memperdekatkan lagi dari teori kepada praktik. Sangat sesuai dimiliki oleh setiap para pendidik.

ISBN 983-9668-28-5



9 789839 668285

DARULFIKIR

329B, Jalan Abdul Rahman Idris,  
Off Jalan Raja Muda,  
50300 Kuala Lumpur



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YATSIAN  
KEPERMUDAAN  
PERDANA